



Rujukan Kami: UPNM(BPA)11.01/01 Jld.4(44)

Tarikh : 3 November 2023

**Para Graduan,**

**JEMPUTAN KE MAJLIS ISTIADAT KONVOKESYEN KALI KE - 13 UNIVERSITI  
PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pengurusan UPNM ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada saudara/saudari yang telah berjaya menamatkan pengajian. Bagi meraikan kejayaan ini, pihak UPNM berbesar hati ingin menjemput dan mengalu-alukan kehadiran saudara/saudari untuk menerima Diploma/Ijazah masing-masing pada Majlis Istiadat Konvokesyen yang akan diadakan mengikut ketetapan berikut:

**Tarikh : 6 – 7 Disember 2023 (Rabu – Khamis)**

**Tempat : World Trade Centre (WTC), Kuala Lumpur**

**Sidang : Sila Rujuk <https://konvokesyen.upnm.edu.my>**

3. Sehubungan dengan itu, saudara/saudari dimohon untuk sentiasa menyemak dan melayari laman web konvokesyen UPNM (<https://konvokesyen.upnm.edu.my>) dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklumat lengkap berkaitan konvokesyen, pengedaran jubah, raptai majlis, etika pakaian graduan dan hal-hal lain berkaitan majlis ini.

4. Sekali lagi, pihak Pengurusan UPNM mengucapkan setinggi-tinggi syabas kepada saudara/saudari atas kejayaan yang amat membanggakan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”**

Saya yang menjalankan amanah,

**PROF. DATO' Ts. DR. AHMAD MUJAHID BIN AHMAD ZAIDI FCILT**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia